



SIARAN MEDIA

HARI ALAM SEKITAR NEGARA MEMARTABATKAN KOMITMEN SEMUA PIHAK KE ARAH MELESTARIKAN ALAM SEKITAR

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menerusi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah telah menganjurkan Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2024 (HASN 2024) Peringkat Kebangsaan di Hotel Park Royal, Pulau Langkawi Kedah. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah.

Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada tanggal 21 Oktober setiap tahun mengekalkan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama” turut memartabatkan komitmen semua pihak melalui anugerah seperti Anugerah Langkawi dan Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan Sesi 2023/2024. Ini merupakan satu usaha yang signifikan dalam menggalakkan keterlibatan semua pihak, termasuk industri dan masyarakat, dalam merealisasikan matlamat kelestarian alam sekitar.

Anugerah ini menyaksikan bagaimana setiap lapisan masyarakat, daripada sektor industri hingga ke peringkat komuniti, memainkan peranan penting dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan dengan melaksanakan kawalan sendiri dalam setiap aktiviti yang dijalankan supaya tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar.

Usaha kolektif ini memperlihatkan bagaimana anugerah seperti ini bukan sahaja menghargai pencapaian individu dan organisasi, tetapi juga memberi galakan kepada masyarakat untuk terus komited dalam menjaga kelestarian alam. Dengan anugerah ini, semua pihak diingatkan bahawa pemeliharaan alam sekitar bukanlah tanggungjawab satu entiti sahaja, tetapi memerlukan sokongan dan penglibatan menyeluruh dari seluruh lapisan masyarakat serta kerjasama yang berterusan antara sektor kerajaan, swasta, dan komuniti.

NRES mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kedah dan semua pihak yang terlibat dalam penganjuran sambutan HASN 2024. Semoga usaha ini dapat melahirkan masyarakat yang lebih cakna tentang isu pencegahan pencemaran serta pemuliharaan alam sekitar di Malaysia dan akhirnya menjadikan penjagaan alam sekitar sebagai sebahagian budaya hidup.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
21 OKTOBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



INPUT PENERIMA ANUGERAH

ANUGERAH LANGKAWI SESI 2023/2024

1. Calon Organisasi

Tenaga Nasional Berhad

2. Calon Individu

Puan Jennifer Asing

Guru Cemerlang SM St. Micheal

3. Penghargaan Khas Panel Anugerah Langkawi

Majlis Daerah Beaufort

Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar (ALKAS) adalah merupakan penghargaan dan pengiktirafan tertinggi Negara daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) kepada individu dan organisasi di Malaysia yang telah memberikan sumbangan yang besar dan signifikan dalam bidang alam sekitar, sama ada dalam bidang pengurusan, perniagaan, penyelidikan saintifik, akademik, penulisan dan lain-lain bidang yang berkaitan ke arah kelestarian alam sekitar.

Organisasi dan individu yang menerima ALKAS diangkat sebagai tokoh alam sekitar yang boleh membawa perhatian masyarakat kepada isu-isu alam sekitar seterusnya menggerakkan tindakan semua pihak di dalam penyelesaiannya. Penerima akan menerima sijil, plak ditandatangani oleh YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan wang tunai berjumlah **RM50,000**.

Penerima Individu

Beliau merupakan Pengetua Cemerlang Gred Utama C di Sekolah Menengah St. Micheal, Penampang, Sabah. Beliau telah berkecimpung di dalam bidang pendidikan sejak 1996 dan terlibat melaksanakan pelbagai program alam sekitar yang bukan sahaja melibatkan sekolah, tetapi juga menggerakkan komuniti melalui program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam. Beliau juga merupakan antara individu perintis dalam pelaksanaan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) seterusnya menaikkan profesion pendidikan melalui pembudayaan berterusan dalam kemenjadian murid.

Penerima Organisasi

Organisasi ini merupakan sebuah organisasi yang telah berjaya menjalankan usaha yang berterusan di dalam melestarikan alam sekitar bukan hanya dari segi pematuhan undang-undang, malah menjalankan penyelidikan (R&D) bagi *whole life cycle*. Organisasi ini juga menerapkan elemen *behaviorial change* di kalangan pekerja sendiri. Banyak menjalankan program-program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam di kalangan komuniti dan sangat proaktif di dalam kerjasama dengan jabatan-jabatan dalam usaha menambah baik pengurusan alam sekitar. Penerima organisasi bagi Anugerah Langkawi Kelestarian Alam Sekitar dianugerahkan kepada Tenaga Nasional Berhad.

Penerima Penghargaan Khas Panel

Pada tahun ini satu Penghargaan Khas Panel akan dianugerahkan kepada organisasi yang telah mempamerkan usaha yang sangat proaktif di dalam melestarikan alam sekitar. Inisiatif yang dipamerkan adalah sangat memberansangkan dan boleh menjadi contoh di kalangan organisasi yang lain. Penghargaan Khas Panel Anugerah Langkawi – Kelestarian Alam Sekitar yang akan menerima sijil, dianugerahkan kepada Majlis Daerah Beaufort.

**PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM
SEKITAR (SLAAS) PERINGKAT KEBANGSAAN SESI
2023/2024 BAGI KATEGORI SEKOLAH MENENGAH DAN
RENDAH**

1. SM St. Patrick, Tawau, Sabah

Kategori Sekolah Menengah

2. SK Bukit Mutiara, Johor Bahru, Johor

Kategori Sekolah Rendah.

Kedua-dua sekolah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM10,000.00, piala dan sijil.

Program Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) adalah program kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah bermula sejak tahun 2005 dan tahun ini merupakan penganjuran kali ke 9.

Program SLAAS adalah bersifat pembudayaan alam sekitar yang berterusan dan bukan merupakan program yang berbentuk pertandingan. Pelaksanaan program ini di sekolah-sekolah bukan sahaja melatih kemandirian murid malahan dapat membentuk proses kemenjadian murid yang cintakan alam sekitar. SLAAS adalah suatu usaha Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi melaksanakan Dasar Alam Sekitar Negara dan seterusnya mendokong Matlamat Pembangunan Mampan SDG-4 yang menyeru Pendidikan berkualiti dan pembelajaran sepanjang hayat.

PENGANUGERAHAN ANUGERAH MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

1. JABATAN PENYIARAN MALAYSIA (RTM)

Penerima Anugerah Media Kolaborasi Lintas Platform

Keterlibatan RTM membuat liputan di semua platform media melalui liputan di lokasi, saluran berita televisyen dan juga melalui web dan terutamanya di slot-slot televisyen

2. PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

Penerima Anugerah Media Penulisan Cakna Alam Sekitar

Keterlibatan dalam membuat liputan berhubung isu alam sekitar melalui semua platform *online* dan media cetak.

3. SINAR HARIAN

Penerima Anugerah Media Suara Masyarakat Lestari

Perlaksanakan liputan meluas berhubung isu alam sekitar dan menyebarkan perkongsian secara proaktif peranan yang dimainkan oleh Jabatan dalam menangani isu berkaitan.